

## **KESANGGUPAN ALUMNI MENYUMBANG KEPADA UNIVERSITI: KAJIAN DALAM KALANGAN GURU- GURU MUSLIM DI JOHOR**

### **Willingness of the Alumni to Contribute to their University: A Study among Muslim Teachers in Johor**

**Fidlizan Muhammad<sup>1</sup>  
Azila Abdul Razak<sup>2</sup>  
Mohd Yahya Mohd Hussin<sup>3</sup>  
Salwa Amirah Awang<sup>4</sup>**

#### **ABSTRACT**

*Charitable gift is virtuous in Islam. There are many factors that motivate an individual to donate. As far as Malaysian higher education is concerned, government has planned to grant*

---

<sup>1</sup> Senior Lecturer, Department of Economics, Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Email: fdlizan@fpe.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Senior Lecturer, Department of Economics, Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Email: azila@fpe.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Associate Professor, Department of Economics, Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Email: yahya@fpe.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Ph.D Candidate, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur; Lecturer, Department of General Studies, Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang Stesen, Perak.

*autonomy to each university in which the latter is expected to generate their own income. One of the means for a university to generate its revenue is among other, the active involvement of the alumni in contributing their wealth to their former university. Therefore, this study aims to examine the factors that motivate an alumnus to contribute to a university. A total of 101 Muslim teachers are involved in this study. Willingness to contribute is measured by a mean score of 8 factors with 36 items. The findings have shown that the country's management and economic status, relationship with the university and individual personality are among the most three important factors determining the willingness of alumni to contribute. On the other hand, the university information factor has the lowest mean score. In order to achieve the national policy goal, the university management should give their alumni a clear message about the need of alumni contributions for the sustainability of the university.*

**Keywords:** *alumni, willingness, donation, university.*

## PENDAHULUAN

Sikap saling bantu-membantu ke arah kebaikan amat digalakkan dalam Islam. Ia bertujuan mengukuhkan ikatan persaudaraan dalam kalangan umat Islam yang diumpamakan sebagai sebuah bangunan yang saling sokong-menyokong.<sup>5</sup> Saranan sikap bantu-membantu ini dinukilkan oleh Allah SWT dalam al-Quran;

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“Hendaklah kamu bantu membantu kepada kebaikan dan ketakwaan dan jangan kamu sekali-kali bantu-membantu ke arah melakukan dosa dan permusuhan antara satu sama lain.”

(Surah al-Mā'idah, 5:2)

فَأَسْتَيْقُوا الْخَيْرَاتِ آيِنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللهُ جَمِيعاً إِنَّ اللهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ



<sup>5</sup> Asmak Ab. Rahman, 'Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia', *Jurnal Syariah* 17/1 (2009):113-152.

*“Berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan, kerana di mana sahaja kamu berada pasti Allah akan menghimpunkan kamu semua pada hari kiamat untuk menerima balasan. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.”*

(Surah al-Baqarah, 2:148)

Untuk mencapai objektif kebaikan ini, Islam menyediakan pelbagai cara dan tidak menghadkan pelaksanaan amalan kebaikan ini kepada individu, tempat dan masa yang spesifik. Kebaikan yang dilakukan dalam Islam perlu dilaksanakan oleh semua individu Muslim bersesuaian dengan kemampuan yang dimiliki.

Membelanjakan harta yang dimiliki merupakan antara pendekatan yang dianjurkan dalam Islam bagi mencapai kebaikan ini. Sejarah Islam memaparkan banyak kisah para sahabat Nabi SAW yang membelanjakan harta kekayaan bagi tujuan perkembangan Islam. Ganjaran bagi kehebatan sikap dermawan ini dinyatakan dalam al-Quran;

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سَبِيلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

*“Bandangan (perbelanjaan–derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipat gandakan pahala bagi siapa yang dikehendakiNya, dan Allah amat luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.”*

(Surah al-Baqarah, 2:261)

Penekanan hubungan antara perbelanjaan harta yang dimiliki manusia di dunia terhadap kesejahteraan kehidupan akhirat diterangkan dalam hadis Nabi SAW;

عن أبي هريرة الأسلمي، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «لا تزول قدما عبد يوم القيامة حتى يسأل عن عمره فيما أفناه، وعن علمه فيم فعل، وعن ماله من أين اكتسبه وفيم أنفق، وعن جسمه فيم أبلاه»  
*“Dari Abi Bazrah al-Aslami katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda, tidak akan melangkah kaki anak Adam pada hari kiamat sehingga*

*ditanyakan mengenai umurnya pada apa ia habiskan, mengenai ilmunya pada apa ia lakukan, mengenai hartanya dari mana ianya diperolehi dan ke mana ianya dibelanjakan dan mengenai tubuhnya pada apa ianya dihabiskan.”<sup>6</sup>*

Oleh itu, setiap individu Muslim perlu mempunyai perancangan bagi memastikan harta yang dimiliki dibelanjakan dan memberi kesan limpahan berantailan untuk tujuan duniawi dan ukhrawi. Selain menguruskan harta dengan menunaikan kewajipan terhadap harta iaitu berzakat, Islam juga menggalakkan umatnya untuk membelanjakan harta melalui amalan sedekah, hibah, dan juga wakaf. Melalui kepelbagaian mekanisme ini, perbelanjaan ini tidak sekadar bertujuan memenuhi tuntutan manusia yang memerlukan, sebaliknya juga perlu dilaksana secara ikhlas bagi mendapatkan keredhaan daripada Allah SWT.

Memandangkan topik berkaitan zakat dan wakaf mendapat fokus perbincangan yang banyak dalam kajian akademik terdahulu, kajian ini berbeza kerana ia menumpukan kepada perbincangan amalan bersedekah. Dalam kajian ini, konsep sedekah yang diteliti adalah merujuk kepada kesanggupan golongan alumni Muslim yang bertugas sebagai guru untuk menyumbang bagi menampung kos operasi perbelanjaan universiti sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)<sup>7</sup>, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).

Sehubungan itu, perbincangan dalam kajian ini bertujuan memenuhi dua objektif utama. Pertama ialah mengenal pasti faktor-faktor penting yang mempengaruhi sumbangan alumni kepada universiti berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas, dan keduanya, menganalisis hubungan antara faktor-faktor berkenaan terhadap kesanggupan alumni untuk memberikan sumbangan kepada universiti.

## **SUMBANGAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Menurut Kamus MacMillan<sup>8</sup>, sumbangan merupakan sesuatu yang diberikan bagi membolehkan sesuatu perkara dicapai. Sumbangan ini boleh dilakukan

<sup>6</sup> Al-Tarmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tarmidhī*, j. 4, Aḥmad Syakir (taḥqīq), Bāb yawm al-qiyāmah, no. hadis 2417 (Bayrut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 612.

<sup>7</sup> Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020* (Putrajaya:Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2004), 105.

<sup>8</sup> <http://www.macmillandictionary.com/dictionary/british/contribution>, 20 Januari 2014.

dalam bentuk wang dan bukan wang. Dalam Islam, istilah yang merujuk kepada maksud sumbangan kewangan adalah pelbagai. Antaranya ialah zakat, sedekah, infaq, hibah, wakaf, wasiat, tabarru' dan sebagainya.<sup>9</sup> Memandangkan istilah yang digunakan adalah pelbagai, maka ia diklasifikasi kepada dua hukum iaitu sumbangan yang dikategorikan sebagai wajib dan kedua adalah sumbangan sunat.

Bagi zakat, ia dikategorikan wajib dan terhad kepada golongan tertentu sahaja sebagai pembayar dan penerima. Hukum kewajipan melaksanakan zakat ini dapat diteliti dalam banyak ayat al-Quran<sup>10</sup>. Antaranya;

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

*“Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat.”*

(Surah al-Baqarah, 2:110)

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ

*“Ambillah dari harta mereka sedekah (zakat) yang dengan itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka.”*

(Surah al-Tawbah, 9:103)

Kepentingan dan kewajipan zakat dalam Islam juga turut diperoleh berdasarkan hadis Nabi SAW yang meletakkan zakat sebagai salah satu rukun Islam. Nabi SAW bersabda;

الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله، وتقيم الصلاة،  
وتؤتي الزكاة، وتصوم رمضان، وتحتج البيت إن استطعت إليه سبيلاً

*“Islam ialah bersyahadah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad adalah Pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan*

<sup>9</sup> Abdullah Jalil dan Muhammad Muda, Pengurusan dana Sedekah Secara Sistemik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta, *Kongres Ekonomi Islam Ketiga* (Shah Alam: UPENA UiTM, 2009), 213-228.

<sup>10</sup> Perkataan zakat disebut sebanyak 31 kali di dalam al-Quran. Ia mengiringi perkataan solat sebanyak 27 kali. Al-Qarḍawī, Y., *Hukum zakat*, terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hassanuddin (Singapura: Pustaka nasional Pte. Ltd., 1988), 39.

dan menunaikan haji ke Baitullah bagi sesiapa yang mampu mengunjunginya.”<sup>11</sup>

Antara jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat ialah *nuqud*, tanaman, ternakan, galian dan perniagaan. Kelompok harta ini dikenali sebagai jenis harta zakat yang disepakati (*ittifaq*) atau turut dinamakan sebagai sumber zakat tradisional yang diwajibkan pengeluaran zakat dengan syarat mencukupi haul dan nisab.<sup>12</sup> Selain daripada itu, terdapat beberapa jenis sumber zakat harta yang baharu di bawah kategori harta yang tidak disepakati (*ikhhtilaf*). Antaranya ialah bon, saham, harta *al-mustaghallat* dan jenis-jenis harta baru yang tersenarai di bawah zakat ternakan<sup>13</sup>, pertanian<sup>14</sup> dan galian.<sup>15</sup>

Bagi kategori sumbangan wajib ini, ia mempunyai keistimewaan disebabkan al-Quran dan al-Hadis telah menerangkan golongan berkelayakan menerima zakat turut dijelaskan oleh Allah di dalam al-Quran;

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ فُلُوقِهِمْ  
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ  
اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

- <sup>11</sup> Al-‘Asqalanī, *Fath al-Bārī*, j.4 (Bayrūt: Dār al-Fikr,1991), 81. Lihat juga dalam Al-Nawāwī, *al-Majmu’*, j.5 (Kaherah: Matba‘ah al-Imām), 291.
- <sup>12</sup> Sayyid Sābiq, *Fikih Sunnah*, j.3 (Bandung: PT al-Maarif, 1981), 5-77. Lihat juga, Yūsuf Qarḍawī, *Fiqh al-Zakat*, j.1 (Bayrūt: Muassah al-Risālah, 1991), 318-441; Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, ‘Sumber zakat: Perluasan Terhadap Harta yang diikhhtilaf’, *Jurnal Syariah* 13/1 (2005):135-162.
- <sup>13</sup> Antaranya ialah ayam, itik, ikan, burung, unta dan arnab. Lihat dalam Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, ‘Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal Ke atas Kepatuhan Membayar Zakat’, Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Daya Saing Ekonomi dan Sosial ke Arah Pemantapan Pembangunan Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia 11-13 Jun 2004 (Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd., 2004), 589-601.
- <sup>14</sup> Antaranya ialah kelapa sawit, getah, koko, sayuran dan madu. Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, ‘Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal Ke atas Kepatuhan Membayar Zakat’.
- <sup>15</sup> Antaranya ialah bijih timah, bijih besi, permata dan petroleum. Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, ‘Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal Ke atas Kepatuhan Membayar Zakat’. Lihat juga, Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Wiyadi, ‘Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian di Malaysia’, *Jurnal Manajemen dan Bisnis* 12/1 (2008):65-75.

*“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dipujuk hati mereka, untuk memerdekan hamba, orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

(Surah al-Tawbah, 9:60)

Berdasarkan ciri zakat ini, maka bagi jenis-jenis sumbangan selain daripada zakat dikategorikan sebagai sumbangan sunat. Memandangkan bentuk sumbangan ini pelbagai, Islam menyediakan garis panduan bagi memastikan objektif kebaikan itu dicapai bagi kedua-dua pihak. Antaranya ialah firman Allah SWT;

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ﴿١٧﴾

*“Dan (hamba-hamba al-Rahman itu) adalah mereka yang apabila memberi infaq tidak berlebih-lebih dan tidak juga kedekut dan di antara keduanya itu adalah kedudukan yang paling kukuh.”*

(Surah al-Furqān, 25:67)

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يُبْطِلُوا صَدَقَتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى

*“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghilangkan (pahala) sedekahmu dengan menyebut-nyebutnya dan menyakiti (perasaan si penerima).”*

(Surah al-Baqarah, 2:264)

إِنْ يُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ

*“Jika kamu menampakkan sedekah(mu), maka itu adalah baik sekali. Dan jika kamu merahsiakannya dan kamu (memberikan) kepada orang-orang fakir, maka merahsiakan itu lebih baik bagimu...”*

(Surah al-Baqarah, 2:271)

Nabi SAW turut memberikan pengajaran supaya umat Islam bersikap ikhlas dalam memberikan sumbangan. Sabda Nabi SAW;

مثل الذي يرجع في صدقته، كمثل الكلب يقيء، ثم يعود في قيئه فيأكله

*“Perumpamaan orang yang bersedekah kemudian ia mengambil kembali sedekahnya seperti anjing yang memuntahkan sesuatu kemudian ia menjilat muntahannya untuk memakannya lagi.”<sup>16</sup>*

## PEMBIAYAAN PENGAJIAN TINGGI NEGARA

Perbelanjaan pengurusan sesebuah institusi pengajian awam kini amat bergantung kepada peruntukan daripada pihak Kerajaan Malaysia. Di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)<sup>17</sup>, satu rangka dasar yang dikenali sebagai Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dibentuk sebagai polisi kerajaan untuk memperkasakan institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Salah satu aspek yang ditekankan ialah kemandirian universiti untuk menjana pendapatan bagi membolehkan institusi mencapai tahap autonomi seperti yang dijelaskan dalam petikan berikut:

“Meneroka kaedah pembiayaan alternatif yang lebih luas tanpa mengabaikan tanggungjawab kepada akses dan ekuiti dengan mengenal pasti dan mempelbagaikan saluran sumber kewangan tambahan termasuk daripada alumni dan kursi endowment seperti yang dilakukan oleh IPT bertaraf dunia. Ini adalah untuk memastikan menjelang tahun 2020, universiti berfokus dan komprehensif dapat menjana 25 peratus bagi perbelanjaan mengurus dan 5 peratus perbelanjaan pembangunan daripada peruntukan tahunan bagi menampung keperluan perbelanjaannya. Manakala Universiti Penyelidikan dijangka menjana sekurang-kurangnya 30 peratus bagi perbelanjaan mengurus dan 10 peratus bagi perbelanjaan pembangunan untuk dipertimbangkan kuasa autonomi oleh kerajaan.”<sup>18</sup>

<sup>16</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim al-Ḥujjaj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb al-Hibah, no. hadis 1622 (Saudi Arabia: Bayt al-Afkar al-Dawliyah, 1998), 662.

<sup>17</sup> Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia digabungkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2013.

<sup>18</sup> Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020* Kementerian Pengajian Tinggi, 112.



Berdasarkan petikan di atas, peruntukan kerajaan persekutuan akan semakin berkurangan dari semasa ke semasa. Bagi menampung defisit sumber kewangan ini, penglibatan alumni atau graduan universiti dalam aktiviti pendidikan tinggi sebagai sebahagian saluran sumber kewangan amat dituntut. Persoalannya, sejauhmanakah tahap kesediaan golongan alumni di Malaysia untuk memberi sumbangan kepada kemandirian universiti khususnya dalam aspek kewangan seperti mana yang telah diamalkan oleh universiti-universiti luar negara seperti di Amerika Syarikat dan Britain.

Secara umum, institusi pengajian tinggi terbahagi kepada dua iaitu awam dan swasta. Bagi institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institusi-institusi ini mendapat biaya peruntukan bagi tujuan operasi pengurusan daripada pihak kerajaan. Sejak tahun 2007, kerajaan menanggung lebih daripada RM6 billion bagi tujuan ini atau bersamaan 90% daripada kos keseluruhan pengurusan universiti. Manakala, 10 peratus baki adalah berasaskan sumber pendapatan universiti yang terdiri daripada yuran pengajian, hasil komersil dan sebagainya. Peruntukan kerajaan persekutuan bagi IPTA untuk tempoh lima tahun terkini ditunjukkan dalam Jadual

Jadual 1: Anggaran Peruntukan Perbelanjaan Persekutuan untuk IPTA (2010-2014)

<b>Tahun</b>	<b>Anggaran (RM billion)</b>
2010	6.88
2011	7.33
2012	7.47
2013	7.28
2014	7.31

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia<sup>19</sup>

Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa peruntukan perbelanjaan antara tahun 2010 hingga tahun 2014 untuk IPTA telah meningkat sebanyak 6.25 peratus iaitu dari RM6.88 billion kepada RM7.31 billion. Peningkatan ini secara purata bertambah sebanyak 1.6 peratus setiap tahun. Peningkatan peruntukan ini adalah disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah penubuhan beberapa universiti baru untuk tempoh lima tahun sebelumnya seperti Universiti Teknikal Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada


<sup>19</sup> Kementerian Kewangan Malaysia, Anggaran Peruntukan Perbelanjaan Persekutuan (pelbagai tahun)

tahun 2007, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada tahun 2006 dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA) pada tahun 2005. Selain itu, penarafan empat universiti sebagai universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) turut mempengaruhi peningkatan peruntukan ini bagi tujuan memantapkan struktur IPT.

Di samping itu, kerajaan juga berhasrat bagi merealisasikan sekurang-kurangnya tiga IPTA di Malaysia untuk tergolong dalam senarai 100 universiti dan satu antara 50 universiti terkemuka di dunia. Atas faktor ini, dasar kerajaan adalah untuk menggalakkan universiti untuk berdikari dan mampu untuk menjana pendapatan sendiri melalui pengkomersilan hasil penyelidikan dan sebagainya. Kerangka penjanaaan dana bagi mencapai matlamat kerajaan ini ditunjukkan dalam Rajah 1.

Berdasarkan Rajah 1, penjanaaan dana bagi operasi universiti dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan klasifikasi institusi. Merujuk kepada bilangan terkini IPTA di Malaysia, empat buah universiti digolongkan sebagai universiti penyelidikan, manakala 16 buah lagi adalah dalam kategori universiti berfokus atau komprehensif. Bagi universiti penyelidikan, nisbah peruntukan dana kerajaan akan berkurangan sebanyak 5 peratus antara tahun 2016-2020 (Fasa I) dan 10 peratus selepas tahun 2020 (Fasa II). Manakala bagi operasi pembangunan pula, nisbah tersebut berkurangan sebanyak 5 peratus bagi setiap fasa. Bagi universiti berfokus atau komprehensif pula, operasi pembangunan ditanggung sepenuhnya daripada dana kerajaan bagi fasa I dan II, dan dikurangkan sebanyak 5 peratus bagi fasa III dan seterusnya. Manakala, bagi operasi pengurusan pula akan berkurangan sebanyak 5 peratus bagi setiap fasa dengan jangkaan perolehan dana universiti sendiri selepas tahun 2020 ialah sebanyak 30 peratus.

Rajah 1: Kerangka Penjanaaan Dana IPTA



Sumber: Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara<sup>20</sup>

Jadual 2 pula menunjukkan simulasi anggaran perbelanjaan mengurus dan jumlah dana yang perlu dijana oleh lima buah universiti antara tahun 2015 hingga 2020. Bagi tempoh enam tahun ini, pendapatan dijana secara dalaman oleh universiti dianggarkan meningkat sehingga 70 peratus iaitu RM290 juta berbanding RM173 juta pada tahun 2015. Secara purata, setiap universiti ini perlu menjana pendapatan dalaman tahunan antara RM35 juta hingga RM65 juta setiap tahun.

<sup>20</sup> Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020* Kementerian Pengajian Tinggi, 112.

Jadual 2: Simulasi Anggaran Perbelanjaan Mengurus (2015-2020) (dalam RM juta)

Universiti	Tahun	2015 <sup>1</sup>	2016 <sup>2</sup>	2017 <sup>2</sup>	2018 <sup>2</sup>	2019 <sup>2</sup>	2020 <sup>2</sup>
UPSI	APM	208.25	220.75	233.99	248.03	262.91	278.69
	PPS	41.65	55.19	58.50	62.01	65.73	69.67
UNiSZA	APM	156.31	165.69	175.63	186.17	197.34	209.18
	PPS	31.26	41.42	43.91	46.54	49.33	52.29
USIM	APM	151.26	160.34	169.96	180.16	190.96	202.42
	PPS	30.25	40.08	42.49	45.04	47.74	50.61
UNiMAP	APM	227.83	241.50	255.99	271.35	287.63	304.89
	PPS	45.57	60.38	64.00	67.84	71.91	76.22
UMK	APM	121.78	129.09	136.83	145.04	153.75	162.97
	PPS	24.36	32.27	34.21	36.26	38.44	40.74
<b>Jumlah</b>	<b>PPS</b>	<b>173.09</b>	<b>229.34</b>	<b>243.10</b>	<b>257.69</b>	<b>273.15</b>	<b>289.54</b>

Nota :

APM: Anggaran Perbelanjaan Mengurus berdasarkan anggaran daripada Bajet 2014.

PPS: Penjanaaan Pendapatan Sendiri, berdasarkan peratus PSPTN.

<sup>1</sup>peratus PPS bersamaan 20%; <sup>2</sup> peratus PPS bersamaan 25%

APM tahunan dihitung berdasarkan 5% kenaikan belanja setiap tahun yang diperoleh daripada anggaran peruntukan persekutuan tahunan.

Berdasarkan simulasi anggaran perbelanjaan dalam Jadual 2, timbul persoalan berkaitan keupayaan IPTA untuk memenuhi formula atau kerangka ini. Ini kerana, pergantungan pendapatan terhadap sumber tradisi iaitu yuran pelajar sahaja amat berkait dengan enrolmen pelajar tahunan. Selain itu, persaingan dan perbandingan kompetensi bagi memperoleh kerjaya selepas bergraduat antara IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sedikit sebanyak memberi kesan herotan pendapatan institusi ini. Atas faktor tersebut, gesaan mempertingkatkan hubungan kewangan antara institusi pengajian tinggi dengan alumni universiti sama ada secara individu atau syarikat, dapat membantu IPTA ini untuk mencapai sasaran yang diunjurkan oleh pihak kerajaan. Oleh itu, adalah penting untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan ini sebagaimana dilaksanakan oleh negara-negara luar.

Hal ini dapat dikaitkan dengan hubungan atau maklumat terhad antara pihak penggubal polisi sama ada di peringkat negara atau universiti dengan golongan alumni. Pada masa kini, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) didapati sensitif berkaitan isu pekerjaan graduan dan amat peka kepada masalah mendapatkan pekerjaan yang dihadapi oleh graduan. Atas faktor ini, Sistem Pengesanan Graduan atau kajian pengesanan graduan diwujudkan bagi menganalisis tahap “*employability*” dan “*marketability*” graduan untuk tempoh masa antara 1 hingga 6 bulan setelah tamat pengajian. Sistem atau kajian ini merupakan pra syarat yang perlu dilengkapkan oleh graduan sebelum menghadiri konvokesyen.

Namun demikian, wajarkah sistem maklumat ini terhad bagi tujuan pengesanan pekerjaan semata-mata? Sebagai contoh, Laporan Pengesanan Graduan KPT 2011<sup>21</sup> menyatakan bahawa 52.6 peratus daripada graduan telah memperoleh pekerjaan dengan 82.6 peratus bekerja tetap dan 13.8 peratus adalah bekerja separuh masa. Walaupun statistik ini amat baik dari segi pekerjaan, namun adakah statistik ini dapat memberikan maklumat yang baik untuk menjayakan pelan PSPTN berkaitan kesanggupan alumni untuk menyumbang dana kepada universiti?

Kesanggupan alumni untuk terlibat bagi membiaya kos operasi universiti bagi aktiviti atau tabung tertentu perlu dikaji secara lebih mendalam. Di Amerika Syarikat contohnya, bancian data sumbangan alumni kepada universiti dilakukan setiap tahun. Berdasarkan hasil bancian ini, maklumat sumbangan, hierarki universiti dan sebagainya dapat diketahui dengan jelas. Sebagai contoh, perbandingan dalam kelompok 15 buah universiti berkaitan sumbangan alumni dalam universiti swasta dan awam di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa sumbangan alumni universiti swasta lebih tinggi berbanding universiti awam. Contohnya, Princeton University selaku universiti swasta menerima sumbangan daripada alumni sebanyak 61 peratus, berbanding University of Alabama selaku universiti awam sebanyak 34 peratus pada tahun 2012.<sup>22</sup>

Bagi negara Britain pula, bilangan alumni yang menyumbang kepada universiti menunjukkan peratus peningkatan yang memberangsangkan. Nilai sumbangan kewangan untuk tempoh masa antara 2002 hingga 2005 menunjukkan peningkatan iaitu daripada £4.7 juta (2002) kepada £6.8 juta (2005). Hal ini adalah berdasarkan dapatan kajian Ireland *et al.*(2012)<sup>23</sup> yang

---

<sup>21</sup> Kementerian Pengajian Tinggi, *Laporan Pengesanan Graduan KPT 2011* (Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi, 2012), 47.

<sup>22</sup> <http://moredonors.com/2012USNWR.pdf>, dicapai pada 10 Januari 2014.

<sup>23</sup> Ireland, E., Coutinho, S. & Anderson, T., ‘Giving to Excellence: generating philanthropic support for UK Higher Education 2010-11’, *Ross-CASE Survey*, National Center for Social Research (2012), 1.

menunjukkan bahawa bilangan penyumbang ini meningkat sebanyak 10 peratus antara tahun 2009 hingga 2010, manakala antara tahun 2008 hingga 2011 pula menunjukkan peningkatan sebanyak 24 peratus. Secara keseluruhan, beliau mendapati bahawa 80 peratus graduan terlibat secara bersama-sama memberikan sumbangan kewangan bagi meningkatkan pengajian tinggi di United Kingdom (UK). Penglibatan aktif alumni di UK ini disebabkan oleh faktor kecekapan pengurusan Jabatan Hubungan dan Alumni di UK. Melalui jabatan ini, sejumlah 70 peratus daripada kakitangannya bertanggungjawab menguruskan sumbangan, manakala 30 peratus bakinya menguruskan berkaitan pengurusan hubungan.

Memandangkan polisi ini telah berjaya dilaksanakan di luar negara, dasar ini menjadi sebahagian daripada strategi kerajaan Malaysia melalui pelancaran dasar PSPTN. Namun begitu, proses merealisasikan dasar ini agak sepi dari dibincangkan secara terbuka. Hal ini hanya dipandang serius oleh pihak institusi pengajian tinggi iaitu universiti yang berkemungkinan sedang melalui proses pelaksanaan. Ini dapat dibuktikan berdasarkan pengamatan terhadap dua buah universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Melalui Tabung Endowmen Merdeka UTM, kakitangan akademik digalakkan membuat sumbangan bulanan bagi membiayai beberapa aktiviti universiti seperti perlantikan Kursi, aktiviti penyelidikan dan sebagainya.<sup>24</sup> Di UKM pula, tabung endowmen (wakaf)<sup>25</sup> ini pula telah dikenal pasti untuk empat tujuan kegunaan. Antaranya ialah pendidikan dan kebajikan pelajar, pembangunan dan penyelidikan. Namun begitu, kedua-dua tabung ini lebih bersifat galakan dan spesifik kepada kakitangan dalaman universiti sahaja.

Atas faktor pelaksanaan dasar ini masih baru di Malaysia, maka kajian ini penting bagi mengenal pasti sejauh mana kesanggupan alumni untuk terlibat bersama dengan universiti khususnya berkaitan aspek kewangan.

---

<sup>24</sup> Universiti Teknologi Malaysia, Inisiatif untuk penjanaaan dan sumbangan ke tabung endowmen merdeka UTM, UTM J.02.02/10.12/2 (37), [http://web.utm.my/registrar-arc/images/pekelilingutm/pp\\_utm\\_2010\\_036.pdf](http://web.utm.my/registrar-arc/images/pekelilingutm/pp_utm_2010_036.pdf), dicapai pada 15 Januari 2014.

<sup>25</sup> <http://www.waqaf.ukm.my/Pages/LatarBelakang.aspx>, dicapai pada 15 Januari 2014. Berdasarkan semakan sehingga 21 Februari 2013, jumlah sumbangan tabung ini berjumlah RM 332,195.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak ciri demografi dan faktor yang mempengaruhi sumbangan seseorang alumni kepada universiti telah dikenal pasti dalam kajian-kajian lepas. Namun begitu, faktor ini tidak terhad disebabkan sifat semulajadi penyumbang ini sukar untuk diramal. Antara faktor demografi yang dikenal pasti penting adalah umur. Tsao dan Coll<sup>26</sup> menerangkan bahawa alumni yang menyumbangkan dana kepada universiti merupakan seorang dermawan. Kajian Okunade<sup>27</sup> membuktikan bahawa peningkatan usia seseorang mempengaruhi jumlah sumbangan kepada institusi pengajian ini. Peluang untuk menarik golongan muda sebagai golongan penderma agak sukar. Hal ini kerana, golongan muda kini mempersoalkan pulangan yang boleh diraih oleh mereka bagi setiap nilai sumbangan yang diberikan. Namun begitu, Clotfelter<sup>28</sup> dan Wastyn<sup>29</sup> menjustifikasikan bahawa proses kematangan memberikan impak perubahan kepada golongan muda ini pada masa hadapan. Dalam kajian empirikal oleh Bruggink dan Siddiqui<sup>30</sup> mendapati bahawa pertambahan dalam usia meningkatkan jumlah sumbangan alumni sebanyak lima peratus.

---

<sup>26</sup> Tsao, J.C. & Coll, G., 'To give or not to give: Factors Determining Alumni intent to make Donations as a PR outcome', *Journalism & Mass Communication Educator* 59 (2004):381-392.

<sup>27</sup> Okunade, A.A., 'Graduate school alumni donations to academic funds: Microdata Evidence.' *Journal of Economics and Sociology*, 55/2 (1996):213-229.

<sup>28</sup> Clotfelter, C. T., 'Who are the alumni donors: Giving by two generations of alumni from selective colleges', *Nonprofit Management and Leadership* 12/2 (2001):119-138.

<sup>29</sup> Wastyn, M.L., 'Why alumni don't give: A qualitative study of what motivates nondonors to higher education', *International Journal of Educational Advancement* 9/2 (2009):96-108.

<sup>30</sup> Bruggink, T. H. & Siddiqui, K., 'An econometric model of alumni giving: A case study for a liberal arts college', *The American Economist* 39/2 (1995):53-60.

Selain daripada umur, ciri demografi lain yang mempengaruhi sumbangan alumni ialah agama<sup>31</sup>, pendapatan<sup>32</sup>, jantina<sup>33</sup>, taraf perkahwinan<sup>34</sup>, lokasi tempat tinggal dan kerja<sup>35</sup>. Namun begitu, hubungan ciri-ciri berkenaan tidak dianalisis dalam kajian ini kerana objektif utama kajian adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesanggupan alumni untuk menyumbang.

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan sumbangan alumni, terdapat empat faktor utama yang telah dikenalpasti. Empat faktor berkenaan adalah faktor individu atau dalaman, faktor luaran, faktor universiti dan faktor reputasi. Jadual 3 menunjukkan ringkasan berkaitan faktor-faktor tersebut.

Jadual 3: Ringkasan Faktor Mempengaruhi Sumbangan Alumni

<b>Faktor</b>	<b>Kandungan Faktor</b>
Individu / dalaman	a) Pengurusan Kewangan
	b) Personaliti Diri
Universiti	a) Hubungan Diri dan Universiti
	b) Informasi Perkembangan
	c) Bentuk Aktiviti Universiti
Faktor Luaran	a) Pengurusan dan Ekonomi Negara
	a) Kecemerlangan Pentadbiran Universiti
Reputasi	b) Kecemerlangan Pelaksanaan Aktiviti Universiti

Sumber: Ringkasan penulis berdasarkan kajian lepas

<sup>31</sup> Chang, W. C., 'Religious giving, non-religious giving, and after-life consumption', *Topics in Economic Analysis and Policy* 5/1 (2005):1-30; Brooks, A. C., 'Religious Faith and Charitable Giving', *Policy Review* 121 (2003):39-48.

<sup>32</sup> Brittingham, B.E. & Pezzulo, T. R., *The Campus Green: Fundraising in Higher Education*. ASCHE-ERIC Higher Education Report, no. 1 (Washington, D. C.: School of Education and Human Development, George Washington University, 1990); Monks, J., 'Patterns of giving to ones alma mater among young graduates from selective institutions', *Economics of Education Review* 22 (2003):121-130; Wastyn, M.L., 'Why alumni don't give: A qualitative study of what motivates nondonors to higher education'.

<sup>33</sup> Belfield, C. R. & Beney, A. P., 'What determines alumni generosity? Evidence for the UK', *Education Economics*, Jil. 8 Bil 1 (2000), 65-81.

<sup>34</sup> Monks, J., 'Patterns of giving to ones alma mater among young graduates from selective institutions'.

<sup>35</sup> Bruggink, T. H. & Siddiqui, K., 'An econometric model of alumni giving: A case study for a liberal arts college'; McDearmon, J. T. & Shirley, 'K., Characteristics and institutional factors related to young alumni donors and non-donors', *International Journal of Educational Advancement* 9/2 (2009):83-95.



Faktor individu/dalaman melibatkan faktor pengurusan kewangan dan faktor personaliti. Wujud perselisihan pandangan dalam kalangan pengkaji dalam menentukan faktor dominan yang mempengaruhi sumbangan alumni iaitu antara faktor demografi usia dan faktor kewangan. Bagi seorang pekerja contohnya, peningkatan usia berkait rapat dengan luasnya dalam pengalaman kerja yang menyebabkan bertambahnya pendapatan individu. Beberapa kajian empirikal membuktikan bahawa faktor kewangan lebih dominan berbanding faktor usia.<sup>36</sup> Watsyn<sup>37</sup> menyokong dapatan ini dengan menggunakan alasan bahawa memandangkan pendapatan yang bertambah seiring dengan usia pada kebiasaannya turut meningkatkan komitmen seseorang individu yang meliputi perbelanjaan terhadap keluarga dan perancangan pelaburan aset masa hadapan. Oleh yang demikian, peningkatan usia seseorang tidak semestinya dapat dijadikan kayu pengukur bagi menilai kesediaan untuk menyumbang, sebaliknya keupayaan mengurus pendapatan adalah lebih penting. Antara kajian yang turut menyokong dapatan ini adalah Feldstein dan Clotfelter<sup>38</sup> dan Brooks<sup>39</sup> yang melibatkan kajian di Amerika Syarikat.

Bagi faktor personaliti pula, ia dibincangkan melalui dua pendekatan iaitu pengalaman sosial dan juga psikologi individu. Sikap dermawan bagi seseorang individu boleh berlaku secara semulajadi dan juga berdasarkan pengalaman yang dilalui. Latar belakang keluarga<sup>40</sup> mempengaruhi pembentukan sahsiah generasi seterusnya. Namun begitu, perubahan masa akan mengherot pengaruh ini. Dalam kajian Okunade<sup>41</sup> membuktikan bahawa jumlah sumbangan alumni di Amerika Syarikat berkurangan sebanyak 33 peratus dalam abad ke-20. Oleh yang demikian, untuk mengatasi isu ini penyumbang perlu dilibatkan secara

---

<sup>36</sup> Brittingham, B.E. & Pezzulo, T. R., *The Campus Green: Fundraising in Higher Education*. Lihat juga, Monks, J., 'Patterns of giving to ones alma mater among young graduates from selective institutions'.

<sup>37</sup> Wastyn, M.L., 'Why alumni don't give: A qualitative study of what motivates nondonors to higher education', *International Journal of Educational Advancement* 9/2 (2009):96-108.

<sup>38</sup> Feldstein, M. & Clotfelter, C.T., 'Tax Incentives and Charitable Contributions in the United states', *Journal of Public Economics* 5 (1976):1-26.

<sup>39</sup> Brooks, A.C., 'Public subsidies and charitable giving: crowding out, crowding in or Both?', *Journal of Policy Analysis and Management* 19 (2002):451-464.

<sup>40</sup> Bekkers, R., 'Charity begins at home: How socialization experiences influence giving and volunteering', Kertas kerja dibentangkan 34<sup>th</sup> Annual ARNOVA Conference (United States of America: Washington, 18 November 2005. Lihat juga, Marr, K.A., Mullin, C.H. dan Siegfried, J.J., 'Undergraduate financial aid and subsequent alumni giving behavior', *Quarterly Review of Economics and finance* 45 (2005):123-143.

<sup>41</sup> Okunade, A. A., '2000 and Beyond Charitable and the social change giving in the new Millenium', *Fund Raising Management* 30 (1999):28-31.

bersama untuk memahami kepentingan sumbangan mereka kepada generasi pada masa hadapan.<sup>42</sup>

Faktor universiti yang melibatkan tiga komponen utama turut dibuktikan berkait rapat dalam mempengaruhi sumbangan alumni. Hunter *et al.*<sup>43</sup> mendapati maklumat semasa berkaitan universiti melibatkan polisi dan pengurusan yang disampaikan secara jelas kepada alumni mempengaruhi sumbangan alumni. Okunade<sup>44</sup> turut mendapati bahawa alumni yang mempunyai hubungan dengan universiti disebabkan pengajian lanjutan, mempunyai ahli keluarga atau rakan yang belajar atau bekerja di universiti dan juga peluang sebagai sukarelawan kepada universiti menunjukkan tahap kecenderungan menyumbang yang lebih tinggi. Kajian Bekkers<sup>45</sup> turut mendapati hubungan keluarga dengan universiti dapat mempengaruhi golongan muda untuk menyumbang kepada institusi.<sup>46</sup>

Bagi faktor luaran pula, ia berkait dengan ekonomi sesebuah negara. Kitchen dan Donalton<sup>47</sup> serta Grant dan Lindauer<sup>48</sup> mendapati bahawa polisi pelepasan cukai antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan sumbangan alumni kepada universiti. Havens *et al.*<sup>49</sup>, Bennett dan Kottasz<sup>50</sup> serta Okunade<sup>51</sup>

---

<sup>42</sup> Bendapudi, N., Singh, S.N. & Bendapudi, V., 'Enhancing Helping Behavior: An integrative Framework for Promotion Planning', *Journal of Marketing* 60 (1996):33-50.

<sup>43</sup> Hunter, C.S., Jones, E.B. & Boger, C., 'A study of the relationship between alumni giving and selected characteriss of alumni donors of Livingstone College, NC', *Journal of Black Studies* 29/4 (1999):523-539.

<sup>44</sup> Okunade, A.A., 'Logistic regression and probability of business scholl alumni donations: Microdata Evidence', *Education Economics* 1 (1993):243-258.

<sup>45</sup> Bekkers, R., 'Charity begins at home: How socialization experiences influence giving and volunteering'.

<sup>46</sup> Wannuva, P. V., & Lauze, M. A., 'Alumni giving at a small liberal arts college: Evidence from consistent and occasional donors', *Economics of Education Review* 20 (2001):533-543.

<sup>47</sup> Kitchen, H. & Dalton, R., 'Determinants of charitable Donation by families in Canada: A regional analysis', *Applied Economics* 22 (1990):285-299.

<sup>48</sup> Grant, J.H. & Lindaeur, D.I., 'The economic charity life cycle patterns of Alumnae contributions', *Eastern Economics Journal* 12 (1986):129-141.

<sup>49</sup> Havens, J. J., O'Herlihy, M. A. dan Schervish, P. G., 'Charitable giving: How much, by whom, to what, and how', dalam W. P. Powell dan R. Steinberg (eds.), *The non-profit sector: A research handbook*, 2nd ed. (New Haven: Yale University Press, 2006), 542-567.

<sup>50</sup> Bennett, R. & Kottasz, R., 'Emergency fund raising for disaster relief', *Disaster Perevention and Management* 9 (2000):352-359.

<sup>51</sup> Okunade, A.A., 'Logistic regression and probability of business scholl alumni donations: Microdata Evidence'.

juga mendapati bahawa keadaan ekonomi negara yang baik serta keupayaan meningkatkan pendapatan individu adalah signifikan dalam mempengaruhi budaya menyumbang ini. Brooks dan Lewis<sup>52</sup> mendapati bahawa penurunan keyakinan terhadap kepimpinan negara turut mempengaruhi sumbangan ini.<sup>53</sup>

Faktor reputasi pula merujuk kepada tanggapan penyumbang terhadap prestasi pencapaian institusi. Beberapa kajian mendapati kecenderungan penyumbang semakin berkurangan ekoran prestasi institusi yang tidak mencapai matlamat.<sup>54</sup> Oleh itu, dua kriteria diambil dalam kajian ini iaitu persepsi alumni berkaitan kecemerlangan universiti dari aspek pengurusan dan juga aktiviti yang dilaksanakan. Kajian di negara UK<sup>55</sup> dan Belanda<sup>56</sup> contohnya mendapati bahawa perbelanjaan yang dikira mewah (*flashy*) dalam universiti menjejaskan sumbangan alumni.<sup>57</sup> Heckman dan Guskey<sup>58</sup> mendapati bahawa persepsi alumni terhadap reputasi peneraju universiti mempengaruhi tahap kesanggupan untuk menyumbang. Malah beberapa kajian mendapati bahawa kecemerlangan aktiviti universiti khususnya melibatkan alumni yang giat dalam sukan lebih bersedia untuk menyumbang kepada universiti.<sup>59</sup>

<sup>52</sup> Brooks, A.C. & Lewis, G.B., 'Giving, Volunteering and mistrusting government', *Journal of Policy Analysis and Management* 20 (2001):765-769.

<sup>53</sup> Leslie, L., Drachman, S.S., Conrad, C.F. & Ramey, G.W., Factors accounting for variations over time in voluntary support for colleges and universities, *Journal of Education Finance*, 9 (1983), 213-225.

<sup>54</sup> Diamond, W.D. & Kashyap R.K., 'Extending Models of Prosocial behavior to Explain University alumni contributions', *Journal of Applied Social Psychology* 27 (1997):915-928. Lihat juga, Radley, A. & Kennedy, M., 'Charitable Giving by Individuals: A Study of Attitudes and Practice', *Human Relations* 48 (1995):685-709.

<sup>55</sup> Sargeant, A., Hilton, T. & Wymer, W., 'Bequest Motives and Barriers to giving', *Nonprofit Management and Leadership*, 17 (2006), 49-66.

<sup>56</sup> Bekkers, R., 'Trust, Accreditation, and philanthropy in the Netherlands', *Nonprofit & Voluntary sector Quarterly* 32 (2003):596-615.

<sup>57</sup> Bekkers, R. & Crutzen, O., 'Just keep it simple: A field experiment on fundraising letters', *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing* 12/4 (2007):371-378.

<sup>58</sup> Heckman, R. & Guskey, A., 'The relationship between alumni and University: Towards a Theory of Discretionary Collaborative Behavior', *Journal of Marketing Theory and Practice* 6/2 (Spring, 1998):97-112.

<sup>59</sup> Grimes, P.W., 'Alumni contributions to academics: The role of intercollegiate sports and NCAA sanctions', *American Journal of Economics and Sociology* 53/1 (1994):27-40. Lihat juga Brooker, G. dan Klastorin, T.D., 'To the victors belong the spoils? College athletics and Alumni giving', *Social Science Quarterly* 62/4 (1981): 744-750.

## **METODOLOGI**

Untuk mencapai objektif kajian, penyelidikan berbentuk tinjauan atau soal selidik dilaksanakan. Ia bertujuan bagi melihat sejauh mana faktor-faktor yang dibincangkan dalam kajian lepas mempengaruhi kesediaan alumni dalam kalangan guru-guru Muslim untuk menyumbang kepada universiti.

Bagi mendapatkan maklumat atau data yang diperlukan, satu set borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian disediakan. Bahagian A mengandungi soalan-soalan berhubung lapan (8) faktor sebagaimana Jadual 3 dan bahagian B pula berkaitan maklumat responden iaitu jantina, umur, status perkahwinan, pendapatan, bilangan tanggungan dan juga pengalaman kerja. Skala Likert bernombor satu (1) hingga tujuh (7) digunakan bagi mengetahui tahap persetujuan responden terhadap faktor-faktor yang dikaji.

Bagi mengukur dan mengesahkan setiap pemboleh ubah atau konstruk yang digunakan berpadanan dengan setiap faktor, ia diuji menggunakan analisis Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) bertujuan mengetahui kecukupan sampel, nilai *cronbach alpha* dan ujian Barlett's Test of Sphericity.<sup>60</sup> Ujian ini perlu signifikan pada aras keertian sekurang-kurangnya lima (5) peratus bagi memastikan kesemua faktor yang dikaji adalah sesuai untuk dianalisis. Ujian lain turut dijalankan bagi mengukuhkan faktor nilai muatan faktor (*factors loading*) dan keseragaman (*communalities*). Semua maklumat yang diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

## **HASIL ANALISIS**

Berdasarkan analisis yang dijalankan, perbincangan hasil dapatan kajian diterangkan dalam dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan maklumat demografi responden dan bahagian kedua pula menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi sumbangan alumni.

### **Maklumat Responden**

Maklumat responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 101 orang. Keseluruhan responden bertugas sebagai guru dan berkhidmat di negeri Johor. Ringkasan deskriptif demografi responden ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 4 di bawah.

---

<sup>60</sup> William, B., Brown, T. dan Onsmann, A., 'Exploratory factor analysis: A five-step geode for novices', *Journal of Emergency Primary Helath Care* (JEPHC) 8/3 (2012):1-13.

Jadual 4: Ringkasan Demografi Alumni

<b>Ciri-ciri responden</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Jantina	Lelaki	37	33.7
	Perempuan	64	66.3
Umur (tahun)	25-29	24	23.8
	30-34	18	17.8
	35-39	18	17.8
	40-44	15	14.9
	45-50	14	13.9
	51-54	6	5.9
	55-60	6	5.9
Pengalaman Kerja (tahun)	1-5	32	31.7
	6-10	15	14.9
	11-15	21	20.8
	16-20	14	13.9
	21-25	9	8.9
	25-30	4	4.0
	>30	6	5.9
Pendapatan Bulanan Individu (RM)	1000-2000	0	0
	2001-3000	26	25.8
	3001-4000	22	21.8
	4001-5000	21	20.8
	5001-6000	19	18.8
	6001-7000	4	4.0
7001-8000	9	8.9	
Bilangan Anak (masih belajar)	Tiada Tanggungan/ Tiada Anak	31	30.7
	1-2	24	23.7
	3-4	32	31.7
	5-6	14	13.9

Berdasarkan Jadual 4, hampir 70 peratus daripada guru yang terlibat dalam kajian ini merupakan golongan guru wanita. Nisbah guru lelaki dan perempuan yang diperoleh ini adalah menyamai nisbah peringkat nasional sebagaimana dilaporkan dalam statistik kementerian.<sup>61</sup> Dari segi usia, 60 peratus responden berusia antara 25 hingga 40 tahun, manakala 12 peratus responden berusia antara 51-60 tahun. Oleh yang demikian, tempoh usia ini didapati mempunyai hubungan dengan tempoh pengalaman kerja dan juga pendapatan bulanan responden. Sebagai contoh, hampir 60 peratus responden yang dianalisis mempunyai tempoh perkhidmatan sebagai guru antara 1 hingga 15 tahun. Tempoh bekerja ini adalah setara dengan usia seseorang guru pada masa kini yang memulakan karier pendidik pada umur antara 23 hingga 25 tahun. Dalam tempoh ini, 60 hingga 68 peratus guru memperoleh pendapatan bulanan antara RM2000 hingga RM5000. Pendapatan bagi tempoh pengalaman kerja ini didapati adalah setara dengan jadual gaji bagi sektor pendidikan awam berdasarkan pekeliling perkhidmatan awam.<sup>62</sup> Dari segi bilangan tanggungan, 31 peratus responden tidak mempunyai tanggungan disebabkan dua faktor iaitu responden belum berkahwin dan juga tanggungan telah mempunyai karier. Selain itu, hampir 45 peratus responden mempunyai anak yang masih dalam tanggungan melebihi tiga orang, dan 24 peratus responden mempunyai tanggungan anak antara satu hingga dua orang sahaja.

### **Kesahan Pemboleh ubah Kajian**

Setiap pemboleh ubah kajian perlu disahkan agar dapat menerangkan faktor-faktor kajian yang diuji. Jadual 5 menunjukkan ujian kesahan pemboleh ubah yang diperoleh daripada ujian-ujian yang dijelaskan dalam bahagian metodologi sebelum ini.

---

<sup>61</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, *Quick Facts 2013 Malaysia Educational Statistics With best compliments*, (Putrajaya: Sektor Data Pendidikan, EPRD, 2013), 24-26.

<sup>62</sup> Jabatan Perkhidmatan Awam, *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013, Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum Gred 1 Hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia*, <http://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2013/pp362013.pdf>, dicapai pada 16 Februari 2014.

Jadual 5: Ujian Kesahan Pemboleh Ubah Kajian

Faktor	Kandungan Faktor (item#)	Nilai Cronbach	KMO	Ujian Barlett	Varian
Individu / dalaman	a) Pengurusan Kewangan (3)	0.867	0.702	152.800*	79.159
	b) Personaliti Diri (3)	0.865	0.724	145.682*	78.833
Universiti	a) Hubungan Diri dan Universiti (3)	0.866	0.710	153.488*	79.054
	b) Informasi Perkembangan (7)	0.943	0.902	621.036*	75.016
	c) Bentuk Aktiviti Universiti (3)	0.864	0.738	140.867*	78.826
Faktor Luaran	a) Pengurusan dan Ekonomi Negara (7)	0.937	0.901	608.313*	73.350
Reputasi	a) Kecemerlangan Pentadbiran Universiti (5)	0.914	0.867	355.744*	74.527
	b) Kecemerlangan Pelaksanaan Aktiviti Universiti (6)	0.888	0.799	397.174*	81.160

Nota: Nilai muatan faktor dan keseragaman pemboleh ubah yang digunakan ialah 0.7 dan ke atas.

\*signifikan pada 1%

#bilangan item atau pemboleh ubah yang diperolehi setelah ujian kesahan dilakukan

Berdasarkan Jadual 5, didapati 37 pemboleh ubah yang diuji sesuai digunakan dalam kajian ini berdasarkan nilai muatan dan keseragaman yang mempunyai nilai 0.7 dan ke atas. Indikator kesesuaian pemboleh ubah terhadap faktor diukur berdasarkan nilai KMO dan nilai *alpha*. Hasilnya, nilai *alpha* yang ditunjukkan bagi semua faktor adalah tinggi iaitu 0.8 dan ke atas. Sekaran<sup>63</sup> menyatakan bahawa nilai *alpha* atau pekali kebolehppercayaan yang tinggi ini menunjukkan bahawa item atau pemboleh ubah dalam soal selidik yang dikemukakan adalah diterima dan boleh dipercayai. Dapatan ini turut disokong dengan nilai KMO yang melebihi 0.7. Bagi setiap faktor yang diuji, didapati bahawa nilai peratusan varian keseluruhan adalah baik. Sebagai contoh, bagi faktor pengurusan kewangan yang mengandungi tiga item dapat menerangkan sebanyak 79.16%, manakala personaliti pula sebanyak 78.83%. Secara keseluruhan, peratusan varian bagi faktor yang diuji dalam kajian ini menjelaskan setiap faktor melebihi 70 peratus.

<sup>63</sup> Sekaran, U., *Research Methods for Business, A Skill-Building Approach*, 4<sup>th</sup> ed. (New York: John Wiley & Son Inc.,2003), 311.

## Faktor-Faktor Kesediaan Alumni Menyumbang

Bagi mengetahui sejauh mana faktor-faktor yang dibincangkan mempengaruhi kesediaan alumni dalam kalangan guru untuk menyumbang kepada universiti dapat diteliti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Analisa Min Faktor-Faktor Mempengaruhi Kesediaan Alumni untuk Menyumbang

Faktor	Kandungan Faktor	Skor Min
Individu / dalaman	a) Pengurusan Kewangan	4.746
	b) Personaliti Diri	5.307
Universiti	a) Hubungan Diri dan Universiti	5.314
	b) Informasi Perkembangan	3.835
	c) Bentuk Aktiviti Universiti	5.194
Faktor Luaran	a) Pengurusan dan Ekonomi Negara	5.458
Reputasi	a) Kecemerlangan Pentadbiran Universiti	4.970
	b) Kecemerlangan Pelaksanaan Aktiviti Universiti	4.888

Berdasarkan Jadual 6, nilai min melebihi lima ditunjukkan oleh personaliti (5.307), hubungan dengan universiti (5.314), aktiviti universiti (5.194) dan pengurusan dan ekonomi (5.458). Daripada keseluruhan nilai min ini, nilai min tertinggi adalah berkaitan pengurusan dan ekonomi negara kini. Kajian Clotfelter<sup>64</sup>, Bennett dan Kkottasz<sup>65</sup> serta Okunade<sup>66</sup> mendapati faktor ekonomi berperanan mempengaruhi kesediaan individu untuk menyumbang. Di Malaysia, tanggungan hutang atau pinjaman pendidikan memberi kesan kepada pengurusan kewangan individu, bahkan turut mempengaruhi nilai sumbangan. Nilai min kedua tertinggi ialah perkaitan hubungan antara individu dengan universiti iaitu sebanyak 5.314. Hubungan ini didapati penting untuk mempengaruhi sumbangan alumni dengan didorong oleh keupayaan alumni mendapatkan informasi yang lebih lengkap berkaitan perkembangan universiti. Oleh itu, pengenalan tabung endowmen bersifat dalaman dan tertumpu kepada kakitangan universiti sebagaimana dilaksana oleh UTM dan UKM dapat dijustifikasikan dengan faktor ini.

<sup>64</sup> Clotfelter, C.T., 'Alumni giving to private colleges and universities', *Economics of Education Review* 22 (2003): 109-120.

<sup>65</sup> Bennett, R. & Kottasz, R., 'Emergency fund raising for disaster relief'.

<sup>66</sup> Okunade, A.A., 'Logistic regression and probability of business school alumni donations: Microdata Evidence'.



Faktor ketiga pula ialah personaliti dermawan. Walaupun diakui bahawa personaliti sukar untuk diukur, faktor kewangan dan hubungan universiti dengan individu merupakan dua faktor jangkaan yang mempengaruhi ke arah pembentukan personaliti untuk menyumbang.<sup>67</sup>

Berdasarkan Jadual 6 juga, nilai min terendah ditunjukkan oleh informasi universiti iaitu 3.835. Memandangkan faktor ini adalah yang terendah, ia menunjukkan bahawa jurang informasi universiti dan alumni begitu ketara. Dalam hal ini, strategi oleh Jabatan Hubungan dan Alumni di UK dapat dijadikan model. Melalui jabatan ini, sebaran maklumat berkaitan universiti diutamakan bagi memastikan penglibatan aktif alumni di mana 70 peratus kakitangan bertanggungjawab menguruskan sumbangan, manakala 30 peratus bakinya menguruskan berkaitan pengurusan jabatan.<sup>68</sup>

Berdasarkan dapatan ini, diketahui bahawa kesediaan alumni untuk menyumbang kepada universiti dipengaruhi oleh faktor diri dan faktor luaran meliputi faktor universiti dan juga perkembangan semasa di dalam negara. Oleh yang demikian, untuk merealisasikan matlamat PSPTN, faktor-faktor ini perlu diberi penekanan dari semasa ke semasa.

## RUMUSAN

Berdasarkan hasil dapatan analisis berkenaan kesediaan alumni untuk menyumbang bagi mencapai pelan PSPTN, didapati bahawa faktor luaran dan universiti amat penting. Bagi membolehkan universiti mampu untuk menarik alumni supaya bergiat secara aktif terhadap universiti dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan, universiti perlu mempunyai jalinan hubungan dan maklumat yang lebih baik dengan alumni. Model kejayaan universiti-universiti luar negara dapat dijadikan panduan untuk memastikan pelan ini berjaya dicapai pada tempoh yang ditetapkan. Melalui dapatan ini, dicadangkan agar kajian lanjut dapat dilaksanakan bagi mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor ini terhadap kesediaan menyumbang alumni merangkumi bilangan responden alumni yang mempunyai profesion yang pelbagai.

---

<sup>67</sup> Brittingham, B.E. & Pezzulo, T. R., *The Campus Green: Fundraising in Higher Education*.

<sup>68</sup> Ireland, E., Coutinho, S. & Anderson, T., 'Giving to Excellence: generating philanthropic support for UK Higher Education 2010-11'.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiaya oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kod geran penyelidikan: 2013-0103-106-01.

## RUJUKAN

- Abdullah Jalil & Muhammad Muda, 'Pengurusan dana Sedekah Secara Sistematik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta', *Kongres Ekonomi Islam Ketiga* (Shah Alam: UPENA UiTM, 2009).
- Abū al-Ḥusayn Muslim al-Ḥujjaj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Saudi Arabia: Bayt al-Afkār al-Dawliyah, 1998).
- Asmak Ab. Rahman, 'Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia', *Jurnal Syariah* 17/1 (2009):113-152.
- Al-'Asqalanī, *Fath al-Bārī*, j.4 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1991).
- Bekkers, R. & Crutzen, O., 'Just keep it simple: A field experiment on fundraising letters', *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing* 12/4 (2007):371-378.
- Bekkers, R., 'Charity begins at home: how socialization experiences influence giving and volunteering', Kertas kerja dibentangkan 34<sup>th</sup> Annual ARNOVA Conference (United States of America: Washington, 18 November 2005).
- Bekkers, R., 'Trust, Accreditation, and philanthropy in the Netherlands', *Nonprofit & Voluntary sector Quarterly* 32 (2003):596-615.
- Belfield, C. R., & Beney, A. P., 'What determines alumni generosity? Evidence for the UK', *Education Economics* 8/1 (2000):65-81.
- Bendapudi, N., Singh, S.N. & Bendapudi, V., 'Enhancing Helping Behavior: An integrative Framework for Promotion Planning', *Journal of Marketing* 60 (1996):33-50.
- Bennett, R. & Kottasz, R., 'Emergency fund raising for disaster relief', *Disaster Prevention and Management* 9 (2000):352-359.
- Brittingham, B.E. & Pezzulo, T. R., *The Campus Green: Fundraising in Higher Education*. ASCHE-ERIC Higher Education Report, no. 1 (Washington, D. C.: School of Education and Human Development, George Washington University, 1990).

- Brooker, G. & Klastorin, T.D., 'To the victors belong the spoils? College athletics and Alumni giving', *Social Science Quarterly* 62/4 (1981):744-750.
- Brooks, A. C., 'Religious Faith and Charitable Giving', *Policy Review* 121 (2003):39-48.
- Brooks, A.C. & Lewis, G.B., 'Giving, Volunteering and mistrusting government', *Journal of Policy Analysis and Management* 20 (2001):765-769.
- Brooks, A.C., 'Public subsidies and charitable giving: crowding out, crowding in or Both?', *Journal of Policy Analysis and Management* 19 (2002):451-464.
- Bruggink, T. H. & Siddiqui, K., 'An econometric model of alumni giving: A case study for a liberal arts college', *The American Economist* 39/2 (1995):53-60.
- Chang, W. C., 'Religious giving, non-religious giving, and after-life consumption', *Topics in Economic Analysis and Policy* 5/1 (2005):1-30.
- Clotfelter, C. T., 'Who are the alumni donors: Giving by two generations of alumni from selective colleges. *Nonprofit Management and Leadership* 12/2 (2001):119-138.
- Clotfelter, C.T., 'Alumni giving to private colleges and universities', *Economics of Education Review* 22 (2003):109-120.
- Diamond, W.D. & Kashyap R.K., 'Extending Models of Prosocial behavior to Explain University alumni contributions', *Journal of Applied Social Psychology* 27 (1997):915- 928.
- Ireland, E., Coutinho, S. & Anderson, T., 'Giving to Excellence:generating philanthropic support for UK Higher Education 2010-11', *Ross-CASE Survey, National Center for Social Research 2012*.
- Feldstein, M. & Clotfelter, C.T., 'Tax Incentives and Charitable Contributions in the United States', *Journal of Public Economics* 5 (1976):1-26.
- Grant, J.H. & Lindaeur, D.I., 'The economic charity life cycle patterns of Alumnae contributions', *Eastern Economics Journal* 12 (1986):129-141.
- Grimes, P.W., 'Alumni contributions to academics: The role of intercollegiate sports and NCAA sanctions', *American Journal of Economics and Sociology* 53/1 (1994):27-40.

- Havens, J. J., O'Herlihy, M. A. & Schervish, P. G., 'Charitable giving: How much, by whom, to what, and how', dalam W. P. Powell dan R. Steinberg (eds.), *The non-profit sector: A research handbook*, 2<sup>nd</sup> ed. (New Haven: Yale University Press, 2006), 542-567.
- Heckman, R. & Guskey, A., 'The relationship between alumni and University: Towards a Theory of Discretionary Collaborative Behavior', *Journal of Marketing Theory and Practice* 6/2 (Spring, 1998):97-112.  
<http://moredonors.com/2012USNWR.pdf>, dicapai pada 10 Januari 2014.  
<http://www.macmillandictionary.com/dictionary/british/contribution>, dicapai pada 20 Januari 2014.  
<http://www.waqaf.ukm.my/Pages/LatarBelakang.aspx>, dicapai pada 15 Januari 2014.
- Hunter, C.S., Jones, E.B. & Boger, C., 'A study of the relationship between alumni giving and selected characteriss of alumni donors of Livingstone College, NC', *Journal of Black Studies* 29/4 (1999):523-539.
- Ireland, E., Coutinho, S. & Anderson, T., 'Giving to Excellence: Generating philanthropic support for UK Higher Education 2010-11', *Ross-CASE Survey, National Center for Social Research* 2012.
- Jabatan Perkhidmatan Awam, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 36 Tahun 2013, Penambahbaikan Jadual Gaji Minimum - Maksimum Gred 1 Hingga Gred 54 Di Bawah Sistem Saraan Malaysia, <http://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2013/pp362013.pdf>, dicapai pada 16 Februari 2014.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, *Quick Facts 2013 Malaysia Educational Statistics With best compliments* (Putrajaya: Sektor Data Pendidikan, EPRD, 2013).
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020* (Putrajaya:Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2004).
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, *Laporan Pengesanan Graduan KPT 2011* (Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi, 2012).
- Kitchen, H. & Dalton, R., 'Determinants of charitable Donation by families in Canada: A regional analysis', *Applied Economics* 22 (1990):285-299.
- Leslie, L., Drachman, S.S., Conrad, C.F. & Ramey, G.W., 'Factors accounting for variations over time in voluntary support for colleges and universities', *Journal of Education Finance* 9 (1983):213-225.
- Marr, K.A., Mullin, C.H. & Siegfried, J.J., 'Undergraduate financial aid and subsequent alumni giving behavior', *Quarterly Review of Economics and finance* 45 (2005):123-143.

- McDearmon, J. T. & Shirley, K., 'Characteristics and institutional factors related to young alumni donors and non-donors'. *International Journal of Educational Advancement* 9/2(2009):83-95.
- Monks, J., 'Patterns of giving to ones alma mater among young graduates from selective institutions', *Economics of Education Review* 22 (2003):121-130.
- Al-Nawāwī, *al-Majmū'*, j.5 (Kaherah: Maṭba'ah al-Imām).
- Okunade, A. A., '2000 and Beyond: Charitable and the social change giving in the new Millenium', *Fund Raising Management* 30 (1999):28-31.
- Okunade, A.A., 'Graduate school alumni donations to academic funds: Microdata Evidence', *Journal of Economics and Sociology* 55/2 (1996):213-229.
- Okunade, A.A., 'Logistic regression and probability of business scholl alumni donations: Microdata Evidence', *Education Economics* 1 (1993):243-258.
- Al-Qarḍawī, Y., *Hukum zakat*, terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hassanuddin (Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 1988).
- Al-Qarḍawī, Y., *Fiqh al-Zakat*, j.1 (Bayrūt: Mu'assah al-Risālah, 1991).
- Radley, A. & Kennedy, M., 'Charitable Giving by Individuals: A Study of Attitudes and Practice', *Human Relations* 48 (1995):685-709.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Wiyadi, 'Potensi dan cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat sektor pertanian di Malaysia', *Jurnal Manajemen dan Bisnis* 12/1 (2008), 65-75.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 'Kesan Prestasi Agihan oleh Institusi Formal Ke atas Kepatuhan Membayar Zakat', Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Daya Saing Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Pemantapan Pembangunan Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 11-13 Jun 2004 (Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd., 2004).
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 'Sumber zakat: Perluasan Terhadap Harta yang diikhtilaf', *Jurnal Syariah* 13/1 (2005):135-162.
- Sargeant, A., Hilton, T. & Wymer, W., 'Bequest Motives and Barriers to giving', *Nonprofit Management and Leadership* 17 (2006):49-66.
- Sayyid Sābiq, *Fikih Sunnah*, j.3 (Bandung: PT al-Maarif, 1981).
- Sekaran,U., *Research Methods for Business, A Skill-Building Approach*, 4<sup>th</sup> ed. (New York: John Wiley & Son Inc., 2003).

- Al-Tarmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā, *al-Jāmi’ al-Sahīḥ Sunan al-Tarmidhī*, j. 4, Ahmad Syakir (taḥqīq), (Bayrūt: Dār Iḥya’ al-Turath al-‘Arabī, t.t.).
- Tsao, J.C. & Coll, G., ‘To give or not to give: Factors Determining Alumni intent to make Donations as a PR outcome’, *Journalism & Mass Communication Educator* 59 (2004): 381-392.
- Universiti Teknologi Malaysia, Inisiatif untuk penajaan dan sumbangan ke tabung endowmen merdeka UTM, UTM J.02.02/10.12/2 (37), [http://web.utm.my/registrar-arc/images/pekelilingutm/pp\\_utm\\_2010\\_036.pdf](http://web.utm.my/registrar-arc/images/pekelilingutm/pp_utm_2010_036.pdf), dicapai pada 15 Januari 2014.
- Wannuva, P. V. & Lauze, M. A., ‘Alumni giving at a small liberal arts college: Evidence from consistent and occasional donors’, *Economics of Education Review* 20 (2001):533-543.
- Wastyn, M. L., ‘Why alumni don’t give: A qualitative study of what motivates nondonors to higher education’, *International Journal of Educational Advancement* 9/2 (2009):96-108.
- William, B., Brown, T. & Onsmann, A., ‘Exploratory factor analysis: A five-step guide for novices’, *Journal of Emergency Primary Health Care (JEPHC)* 8/3 (2012):1-13.